

27/06/2015 - Majlis Pelancaran PPA1M dan Menandatangani Perjanjian Antara PR1MA, Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar dan Visa Land Sdn Bhd

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Tan Sri - Tan Sri, Puan Sri – Puan Sri, Dato' Seri-Dato' Seri, Datin Seri – Datin Seri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

- 1. Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita diberi kesempatan untuk turut sama di dalam Majlis Pelancaran Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) Puncak Gloxinia, Kinarut South, Sabah serta Majlis Menandatangani Perjanjian antara PR1MA, Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar dan Visaland Sdn Bhd pada hari ini.*
- 2. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sabah yang sangat komited untuk memberi kerjasama yang sangat baik dengan Kerajaan Persekutuan di dalam menjayakan program di Negeri Sabah.*

Yang Berbahagia Tan Sri - Tan Sri, Dato' Seri-Dato' Seri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

- 3. Untuk makluman, pada masa ini saya menerajui 2 program utama Kerajaan iaitu PPA1M dan PR1MA. Program PPA1M dan PR1MA ini sebenarnya mempunyai objektif yang sama iaitu menyediakan rumah mampu milik yang berkualiti kepada rakyat dan juga penjawat awam dengan kumpulan sasaran yang tergolong di dalam kategori pendapatan bulanan yang sama iaitu di bawah RM10 ribu.*

4. *Program PPA1M ini bertujuan membantu penjawat awam khususnya penjawat awam muda dan berpendapatan sederhana yang berada dalam kategori “income trap” untuk memiliki rumah yang berkualiti di lokasi yang strategik dengan harga yang berpatutan dan lebih rendah daripada harga pasaran.*
5. *Demi melicinkan pelaksanaan program PPA1M, maka Unit PPA1M, Jabatan Perdana Menteri diwujudkan dengan peranan untuk merancang, melaksana, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan program PPA1M.*
6. *Kelayakan untuk memohon di bawah skim ini meliputi penjawat awam yang bekerja dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Negeri dan Tempatan, Badan Berkanun Persekutuan serta Badan Berkanun Negeri.*
7. *Memandangkan harga unit-unit PPA1M yang rendah daripada harga pasaran melalui elemen subsidi kepada pembeli, maka moratorium selama 10 tahun dikenakan. Kaedah pelaksanaan projek PPA1M ini berasaskan konsep Bina Kemudian Jual (BKJ) dengan varian 10:90.*
8. *Pada hari ini, projek PPA1M Puncak Gloxinia, Kinarut South, Sabah akan dilancarkan. Projek ini dibangunkan di atas tanah milik Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar dengan keluasan 16.7 ekar. Pemaju projek ini adalah Landmark Property Sdn Bhd. Projek ini melibatkan pembinaan 1,296 unit jenis pemajuan bertingkat dengan keluasan bermula dari 1,000 kaki persegi dengan harga jualan bermula dari RM227 ribu.*
9. *Menyentuh mengenai satu lagi program Kerajaan iaitu PR1MA, program ini telah dirancang dengan rapibagi membantu golongan yang berpendapatan pertengahan untuk memiliki rumah sendiri tanpa dibebani oleh masalah kewangan dengan harga rumah yang melambung tinggi.*
10. *Dalam usaha ini, PR1MA hari ini memeterai lagi projek perumahan PR1MA lantas merealisasikan impian penduduk Sabah untuk memiliki rumah PR1MA. Projek di Kinarut*

ini merupakan salah satu dari beberapa kawasan yang telah dikenal pasti kesesuaiannya untuk pembangunan PR1MA di serata Sabah seperti Tawau, Sandakan, Kota Marudu, Tuaran, Sepanggar, Papar dan Beaufort.

11. Di Kinarut, PR1MA akan membina sebanyak 502 unit apartmen daripada 8,683 unit rumah pelbagai jenis yang telah pun diluluskan untuk penduduk Sabah. Sebelum ini, 2 minggu yang lalu, permohonan baru di buka untuk 2 projek PR1MA di Sabah, iaitu di Sandakan dan Kota Marudu. Sasaran PR1MA adalah untuk membina 20,000 unit rumah di seluruh Sabah.

12. Di dalam menjayakan kedua-dua program Kerajaan iaitu PPA1M dan PR1MA ini, kerjasama dan sokongan daripada Kerajaan Negeri sangat diperlukan. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri perlu memainkan peranan sewajarnya dengan memberi perhatian kepada aspek kesesuaian lokasi projek, perancangan Kerajaan Negeri bagi kawasan yang hendak dimajukan, aspek permintaan atau prospek pembeli, urusan kelulusan tanah dan menyegerakan kelulusan perancangan projek serta membantu menyelaras cadangan pembangunan projek dengan syarat yang dikenakan di bawah polisi perumahan negeri.

Yang Berbahagia Tan Sri - Tan Sri, Dato' Seri-Dato' Seri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

13. Saya mewakili Kerajaan Persekutuan mengucapkan terima kasih atas komitmen dan kerjasama kesemua pihak di Negeri Sabah. Justeru itu, saya amat berharap supaya lebih banyak lagi projek PPA1M dan PR1MA akan dibina di seluruh Malaysia demi memenuhi keperluan dan kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufiq Walhidayah

Wassalamua'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

©2015 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://www.pmo.gov.my/ksn/home.php?frontpage/speech/detail/2019>